

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KAPAR ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan mengawal selia syarikat-syarikat yang tidak mahu mengambil pekerja tempatan dan mengisi jawatan tersebut pada pekerja asing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Semua permohonan penggajian pekerja asing diwajibkan dibuat secara *online* menggunakan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) melalui laman sesawang [www.eppax.gov.my](http://www.eppax.gov.my) di bawah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Kementerian Sumber Manusia (KSM). Setiap permohonan akan disiasat oleh pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bagi memastikan kesahihan majikan, keperluan sebenar mengikut kelayakan, usaha mendapatkan pekerja tempatan, pematuhan undang-undang perburuhan dan penyediaan perumahan pekerja sebelum perakuan mengajikan pekerja bukan warganegara.
  
2. Salah satu prosedur yang perlu dilalui oleh majikan semasa memohon mengajikan pekerja asing ialah mesti mengiklankan kekosongan jawatan dalam portal *JobsMalaysia*. Ini bagi memastikan dasar semasa kerajaan yang memberi keutamaan kepada pencari

## **SOALAN NO : 71**

kerja tempatan dipatuhi oleh pihak majikan. Pihak majikan akan diberi senarai calon oleh JTK untuk di temuduga, sekiranya ada dan mereka juga akan diminta untuk menghadiri temuduga terbuka yang dibuat oleh JTK. Mana-mana majikan yang gagal mematuhi syarat atau enggan memberi kerjasama tidak akan disokong permohonan mereka untuk menggaji pekerja asing.

3. Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan KSM juga sebagai penyelaras bersama di Pusat Kelulusan Setempat (OSC) yang bertanggungjawab memproses kelulusan permohonan majikan yang lengkap dan layak untuk mengajikan pekerja asing. Majikan perlu menghadiri temuduga melalui *One Stop Centre* (OSC) di Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi mendapatkan kelulusan oleh agensi-agensi kawal selia mengikut kategori sektor pekerjaan yang ditetapkan.

4. Kerajaan telah menetapkan siling penggajian pekerja asing mengikut sektor berdasarkan keperluan sebenar majikan dan selaras dengan keperluan guna tenaga negara, menetapkan nisbah di antara pekerja tempatan dan pekerja asing bagi setiap sektor dan subsektor yang dibenarkan, menamatkan amalan *out-sourcing* dalam penggajian bagi mengelakkan lambakan pekerja asing di dalam pasaran pekerjaan, meletakkan tanggungjawab pembayaran levi ke atas majikan bagi tujuan mengurangkan kecenderungan majikan untuk menggaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan, mensyaratkan pekerja asing hanya boleh bekerja sebagai pekerja asas sahaja

5. Peruntukan undang-undang sedia ada menghalang majikan memberhentikan pekerja tempatan untuk digantikan dengan pekerja asing sebagaimana peruntukan Seksyen 60M, Akta Kerja 1955. Dalam akta yang sama di bawah seksyen 60N, sekiranya majikan dikehendaki mengurangkan tenaga kerjanya oleh sebab lebihan pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja, maka majikan tidaklah boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja

## **SOALAN NO : 71**

tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori pekerjaan yang sama ditamatkan terlebih dahulu.

6. Kementerian juga telah membuat pindaan ke atas Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Akta 246) berkuatkuasa 1 Februari 2018. Melalui pindaan tersebut hanya Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang mempunyai lesen kategori C sahaja yang dibenarkan mengurus kemasukan pekerja bukan warganegara.

7. Mesyuarat Jawatankuasa Bersama yang dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia telah ditubuhkan bagi menyelaras mengenai dasar, polisi dan pengurusan pekerja asing di Malaysia. Antara tanggungjawab jawatankuasa tersebut adalah menetapkan dasar, polisi dan pengurusan penggajian pekerja bukan warganegara dengan mengutamakan peluang pekerjaan kepada warganegara terlebih dahulu.

8. Kesimpulannya, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengawal selia syarikat-syarikat yang tidak mahu mengambil pekerja tempatan dan mengisi jawatan tersebut pada pekerja asing.